



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 29 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	DASAR PERTANIAN BAHARU JAMINAN MAKANAN MASA HADAPAN, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA – 13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	S'GOR TO FORM POLICIES TO LURE YOUTH TO FARMING, NEWS, THE STAR – 4	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	AKTIVITI TUBA IKAN JEJAS PENDAPATAN NELAYAN SUNGAI, NASIONAL, SINAR HARIAN – 20	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	TUBA IKAN JEJAS EKOSISTEM SUNGAI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Dasar Pertanian baharu jaminan makanan masa hadapan



SULAIMAN
MAHBOP

PERTANIAN dan kegiatan yang berkaitan dengannya akan terus menjadi komponen penting dalam ekonomi, walaupun sumbangannya kepada keluaran keseluruhan negara mungkin tidak besar. Ia boleh kekal sebagai penyerap penting tenaga buruh negara sambil turut memainkan peranan sebagai pembekal makanan kepada rakyat.

Apabila memerhatikan ekonomi di banyak bahagian di rantau Asia, kita tidak dapat menafikan sektor itu memainkan peranan penting sebagai penampung semasa krisis ekonomi. Ia terutama ketika ekonomi lembap dan penciptaan peluang pekerjaan perlahan. Orang ramai boleh menggunakan pekerjaan ladang apabila industri lain tidak bergerak dengan baik.

Ia berlaku di Malaysia apabila pekerja-pekerja bandar yang terpinggir pulang ke kampung untuk menoreh getah, menanam padi dan mengusahakan tanaman jangka pendek seperti sayur-sayuran.

Menarik juga apabila terdapat pekerja-pekerja bandar yang bergegas pulang pada hujung minggu untuk menoreh getah ketika harga getah tinggi.

Dalam konteks Malaysia, yang memfokus sektor perindustrian untuk mempelbagaikan ekonomi dan menyediakan pekerjaan kepada penduduknya yang semakin meningkat, khususnya kepada golongan belia, yang mana bahagian pertanian dalam jumlah output atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menurun kepada hanya satu digit walaupun bahagiannya dalam jumlah guna tenaga masih kekal ketara.

Fakta ini menekankan kepentingan sektor pertanian dalam perancangan negara. Ia patut mendapat sokongan dan perhatian belanjawan yang sesuai dengan perannya seperti yang dinyatakan.

Negara-negara maju juga menyokong aktiviti pertanian. Amerika Syarikat (AS) mempertahankan dasarnya untuk memberi subsidi kepada produk ladangnya dalam menghadapi persaingan daripada negara sedang pesat



BERAS merupakan komoditi yang berkait rapat dengan aspek politik dan keselamatan negara, kerana itu ia wajar diberi perhatian dalam dasar awam.

membangun, yang hasil ladangnya banyak meningkat.

Malaysia memberi subsidi kepada tanaman seperti padi untuk memastikan bekalan makanan dan pendapatan luar bandar yang mampan memandangkan kepentingan penduduk-luar bandar dalam strategi politik negara. Oleh itu, langkah-langkah seperti sokongan harga, subsidi baja, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penciptaan agensi-agensi khusus untuk membantu pemasaran pertanian, diambil bagi memastikan pertanian disokong selain dipertingkatkan secara berterusan.

Di sebalik inisiatif ini, sektor ini nampaknya mempunyai masa hadapan yang tidak menentu seperti ditunjukkan oleh beberapa indeks. Antaranya peningkatan import makanan, kawasan besar tanah ladang yang tidak dijaga dan peningkatan umur pekerja-pekerja ladang. Selain itu, dengan kekurangan pekerja dalam ekonomi umum, pekerja asing membentuk sebahagian besar tenaga kerja sektor pertanian.

KESELAMATAN MAKANAN

Isu keselamatan makanan kembali menyerlahkan kepentingan pertanian dalam

ekonomi. Pandemik Covid-19, lima tahun lalu dan gangguan dalam rantai bekalan antarabangsa bagi banyak komoditi membuatkan negara melihat semula isu rantai bekalan untuk bijirin.

Pada masa sama terdapat kebimbangan sesetengah negara tidak mahu mengeksport beras. Di samping itu, kebimbangan susulan perubahan iklim turut memberi kesan ke atas sistem pengeluaran pertanian kita, menjadikan isu keselamatan makanan adalah tinggi dalam senarai keutamaan negara.

Oleh itu, perancangan dan pembangunan pertanian memerlukan perhatian khusus dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), yang akan dibentangkan pada esok (31 Julai).

Dahulu kita lebih memberi tumpuan terhadap sara diri beras. Isu keselamatan makanan sudah tentu lebih luas daripada sara diri beras dan merangkumi aspek pengeluaran, rantai bekalan, harga dan insentif. Tidak kurang juga, tanah dan hal pelaksanaan yang sesetengah daripada ini juga memerlukan pemeriksaan semula secara terperinci.

Malah perspektif budaya sekitar tabiat makanan patut diberi perhatian. Rakyat

secara keseluruhannya mempunyai kecenderungan untuk mengambil nasi, dan bukannya sumber karbohidrat lain. Oleh itu, kita perlu menggalakkan pengambilan karbohidrat yang lebih kompleks seperti ubi kayu, ubi keledek dari pelbagai jenis seperti kentang dan jagung. Persoalannya tetap sama, sama ada produk ini boleh didapati dengan harga yang berpatutan.

PEKERJA ASING

Isu yang semakin mendapat perhatian ialah kehadiran pekerja asing yang sah dan tidak sah. Mereka ini setiap hari mengambil sejumlah besar nasi sebagai makanan. Aspek ini tidak pernah menjadi sebahagian daripada perancangan sara diri beras jangka panjang yang dilakukan pada 1980-an dan 1990-an.

Oleh itu, tepat pada masanya isu-isu ini diteliti secara mendalam dan ia memerlukan perbincangan serta kajian yang komprehensif. Apatah lagi, ia menyentuh begitu banyak aspek dasar awam dan perancangan negara.

Di tengah-tengah kekangan fiskal yang sedang dihadapi negara, satu perkara yang memerlukan penilaian semula

ialah penggunaan subsidi atau bantuan kewangan bagi menggalakkan pengeluaran beras. Kita banyak bergantung pada sokongan harga untuk menambah pengeluaran beras. Ini adalah warisan dasar masa lalu yang mungkin mempunyai beberapa kesan yang tidak dingini seperti penyeludupan beras dan perlakuan pasaran yang tidak sihat.

Kita mengakui beras merupakan komoditi yang berkait rapat dengan aspek politik dan keselamatan negara, kerana itu ia wajar diberi perhatian dalam dasar awam. Kita perlu menilai semula keberkesanan sokongan harga dan subsidi pengguna yang sedia ada.

Ini penting memandangkan beras kini merupakan barangan dagangan antarabangsa yang ditawarkan pada harga lebih rendah berbanding harga beras domestik.

Dalam analisis faedah kos sosial produk yang didagangkan di peringkat antarabangsa, kriteria harga sempadan harus menjadi asas pengiraan kadar pulangan.

TAN Sri Dr. Sulaiman Mahbob ialah Profesor Adjung di Institut Antarabangsa Polis Awam dan Pengurusan (INPUMA), Universiti Malaya.

S'gor to form policies to lure youth to farming

By CY LEE

cylee@thestar.com.my

SELANGOR is planning to introduce new policies and programmes to attract younger generations to farming, as part of efforts to bolster food security and ensure sustainability of the state's agriculture sector.

Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari highlighted the necessity of this initiative, given that nearly three-quarters of the state's farmers were aged 46 and above.

"More than 75% of our farmers are aged 46 and above, with over half being over 50.

"We must make farming a cool and rewarding activity to attract young people," said Amirudin.

He said the upcoming state budget and Selangor's development plan would include measures such as training and support programmes to facilitate this transition.

The Mentri Besar also



Amirudin: We must make farming a cool and rewarding activity to attract young people.

emphasised the importance of enhancing national food security and promoting sustainable farming practices.

"Plantation operators are reducing the use of certain chemicals and excessive fertilisers while maintaining high and sustainable yields.

"For instance, Sime Darby Plantation's estate in Pulau Carey,

Kuala Langat, records some of the highest oil palm yields in Malaysia.

"That is an example of good farming practices," he cited.

He said accurate and timely data was needed to enable swift policy adjustments.

"With more frequent and accurate data, we can make timely policy changes instead of waiting another 10 years," he said at the launch of the Interim Report of the 2024 Agriculture Census for Selangor, held in Klang.

The last agriculture census was carried out in 2005.

The interim report revealed that Selangor has 37,117 agricultural holdings, of which 95.6% are operated by individuals and 4.4% by organisations.

Last year, the state's agriculture sector generated RM8.8bil in sales, with crops contributing RM3.64bil, livestock RM3.16bil, and fisheries RM1.59bil.

Chief Statistician and

Agriculture Census 2024 commissioner Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said the 2024 census was the first in 19 years to encompass all sub-sectors, including crops, livestock, fisheries, aquaculture, forestry, and logging – providing a comprehensive profile of Selangor's agricultural landscape.

He highlighted Sabak Bernam as a leader with 9,296 agricultural holdings and the largest padi cultivation area of over 24,000ha, contributing RM220mil in rice sales last year, or 60% of the state's total.

Mohd Uzir said the findings would serve as a benchmark for modernising agriculture and strengthening food security.

Also present were Selangor infrastructure and agriculture committee chairman Datuk Izham Hashim, Selangor Deputy State Secretary (Development) Datuk Johary Anuar and Selangor Statistics Department director Hartini Yaacob.

Tuba ikan jejas ekosistem sungai

KUALA NERUS: Aktiviti menuba ikan semakin berleluasa Lubuk Cegar di Sungai Jeram, di sini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk tempatan yang bergantung kepada sumber perikanan sungai untuk kelangsungan hidup dan rekreasi.

Seorang penduduk, Mohd. Hazzwan Asyraf Ghazali, 36, berkata, kegiatan tidak bertanggungjawab itu bukan sahaja menjejaskan ekosistem sungai, malah menyebabkan bilangan ikan sungai semakin berkurangan.

"Biasanya mereka menuba ikan pada waktu awal pagi, sekitar pukul 3 tiga atau 4 pagi ketika keadaan masih gelap dan sunyi. Aktiviti ini telah lama berlaku dan sekarang kesannya semakin jelas apabila ikan sungai seperti baung, lampam, tapah semakin sukar diperolehi. Malah ikan-ikan kecil seperti

saya dimaklumkan kesan ikan mati sudah merebak ke Sungai Lekar iaitu tiga kilometer (km) dari lokasi asal.

"Saya berharap pihak berkuasa, termasuk Jabatan Perikanan dapat memantau dan mengambill tindakan tegas terhadap pihak tidak bertanggungjawab yang melakukan kegiatan ini," katanya.

Terdahulu, satu video tular dalam media sosial yang dikongsikan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan dan Komoditi Terengganu, Datuk Dr. Azman Ibrahim, memaparkan banyak ikan mati terapung di Sungai Jeram.

Dr. Azman dalam kenyataannya menyuarakan kebimbangan terhadap insiden tersebut dan menggesa tindakan tegas diambil terhadap pelaku yang tidak bertanggungjawab.

Saya berharap pihak berkuasa, termasuk Jabatan Perikanan dapat memantau dan mengambil tindakan tegas."

seluang memang sudah tiada," katanya di sini.

Katanya, tindakan menuba menjejaskan mata pencarian sebahagian penduduk yang menangkap ikan dan udang secara tradisional.

"Sebagai nelayan sungai sejak 15 tahun lalu, saya dapat melihat perubahan kerana ikan semakin berkurangan. Malah



SEBAHAGIAN ikan yang mati dipercayai akibat kegiatan menuba ikan di Lubuk Cegar dekat Sungai Jeram, Kuala Nerus, Terengganu.

TARIKH

30/7/2025

MEDIA

UTUSAN
MALAYSIA

RUANGAN

DALAM
NEGERI

MUKA
SURAT

11

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/7/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

Aktiviti tuba ikan jejas pendapatan nelayan sungai



Tangkap layar video tular yang menunjukkan bangkai ikan terapung di Sungai Jeram.

KUALA NERUS - Penduduk sekitar Sungai Jeram di sini menyuarakan kebimbangan mereka terhadap kegiatan menuba ikan yang didakwa semakin berleluasa, sekali gus menjejaskan sumber pendapatan nelayan sungai.

Seorang penduduk, Mohd Hazwan Asyraf Ghazali, 36, berkata, kegiatan itu dipercayai dilakukan pada awal pagi, ketika keadaan di sekitar kawasan Lubuk Cegar di sini masih gelap bagi mengelak dikesan oleh pihak berkuasa.

"Biasanya mereka menuba ikan di antara jam 3 hingga 4 pagi. Perbuatan ini bukan sahaja menyalahi undang-undang, tetapi turut merosakkan hidupan semula jadi dan mengurangkan populasi ikan sungai.

"Sekarang bukan sahaja ikan besar

seperti baung, lampam dan tapah semakin susah nak dapat, spesies kecil seperti seluang pun makin pupus dari sungai ini," katanya di sini pada Selasa.

Hazwan yang berpengalaman lebih 15 tahun sebagai nelayan sungai berkata, kegiatan menuba ikan turut dikesan merebak ke Sungai Lekar yang terletak kira-kira tiga kilometer dari lokasi asal kejadian.

Katanya, selain menyebabkan kerosakan habitat, tindakan tersebut turut menjejaskan pendapatan penduduk yang bergantung kepada hasil sungai untuk menyara keluarga.



MOHD HAZWAN ASYRAF

"Saya sendiri alami kesan bila hasil tangkapan semakin merosot. Jadi saya mohon pihak berkuasa khususnya Jabatan Perikanan supaya menyasat dan mengambil tindakan sewajarnya," ujarnya.

Pada Isnin, video berdurasi 26 saat yang memaparkan ikan terapung di Sungai Jeram menjadi tular selepas dikongsi Exco Pertanian, Industri Makanan dan Komoditi Terengganu, Datuk Dr Azman Ibrahim.

Dr Azman menerusi hantaran di media sosial turut menyatakan kebimbangannya terhadap tindakan tidak bertanggungjawab itu yang disifatkan berisiko memusnahkan ekosistem sungai.